



**TEKS UCAPAN ALUAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
MERANGKAP ADUN LENDU
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PEJABAT SKM DAN
PENYAMPAIAN PEMBIAYAAN KEPADA USAHAWAN
NEGERI MELAKA**

TARIKH: 21 MAC 2021 (AHAD) , MASA: 10.00 PAGI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Lafaz selawat kepada Rasul Junjungan, Nabi Muhammad SAW, yang menjadi ikutan, dan suri tauladan sepanjang zaman.

Allahuma Solli 'Ala Sayyidina Muhammad Wa'ala A-li Sayyidina Muhammad.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat
Bahagia, Menggamit Dunia.

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS;

(SALUTASI DISEDIAKAN DI ATAS ROSTRUM)

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin dan kurnia-Nya, kita semua dapat hadir ke Majlis Perasmian Pejabat Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Cawangan Masjid Tanah dan Penyampaian Pembiayaan Kepada Usahawan Negeri Melaka dalam keadaan norma baharu di samping mematuhi segala Prosedur Operasi Standard (SOP).

2. Terlebih dahulu, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya berbesar hati mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Dato Sri Dr Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi ke Negeri Melaka Bandaraya Bersejarah, Tapak Warisan Dunia UNESCO.

3. Saya juga ingin menzahirkan penghargaan kepada Yang Berhormat Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati Samsudin, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi merangkap Ahli Parlimen Masjid Tanah yang turut hadir pada majlis pagi ini.

4. Sesungguhnya kehadiran Datuk-datuk, Datin-datin, saudara dan saudari pada program ini, membuktikan betapa kukuhnya solidariti gerakan koperasi, sekali gus memberi gambaran akan kekuatan kerjasama rapat bagi menjayakan agenda pembangunan sosio-ekonomi rakyat di Negeri Melaka secara am, dan di Masjid Tanah ini khususnya.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

PENCAPAIAN GERAKAN KOPERASI DAN SEKTOR PELANCONGAN DI NEGERI MELAKA

5. Program ini diadakan bersempena dengan penyerahan projek oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Melaka kepada pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Negeri Melaka atas pembukaan pejabat cawangan Masjid Tanah yang telah memulakan operasi pada **4 Januari 2021** yang lalu.

6. Saya difahamkan oleh pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia, pencapaian gerakan koperasi di Negeri Melaka pada tahun 2020 mencatatkan bilangan koperasi berdaftar sebanyak **457 buah koperasi, jumlah syer/yuran sebanyak RM106.9 juta, jumlah aset sebanyak RM497.6 juta** dan **perolehan** berjumlah **RM78.6 juta**.

7. Walau bagaimanapun, disebabkan pandemik COVID-19, Melaka sebagai negeri pelancongan, berdepan dengan kelembapan ekonomi terutama dalam sektor pelancongan yang menjadi penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri Melaka. Tempiasnya, gerakan koperasi turut terjejas dengan perolehan gerakan koperasi diramalkan menurun lebih separuh daripada pencapaian tahun 2019.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

8. Kerajaan Negeri Melaka telah melakukan pelbagai usaha untuk meningkatkan kembali pertumbuhan ekonomi negeri, khususnya dalam sektor pelancongan. Antaranya, merancakkan industri pelancongan domestik, mengukuhkan pasaran antarabangsa selektif dan meluaskan capaian promosi destinasi Melaka dengan berkonsepkan digital.

9. Terbaru, Kerajaan Negeri melalui Bahagian Promosi Pelancongan telah melancarkan promosi kempen secara besar-besaran iaitu **Orang Melaka Melawat Melaka** atau *Melakan Visit Melaka 3.0* demi memperhebat kembali industri ini, sekali gus membantu meningkatkan semula sektor keusahawanan koperasi.

10. Namun, sebagai rakyat Malaysia, kita juga harus bersyukur, kerana kerajaan begitu prihatin dengan melaksanakan pelbagai pakej rangsangan ekonomi demi memperkukuhkan kebajikan rakyat, berbeza dengan negara-negara lain.

**MENYOKONG PERANAN KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (MEDAC)**

11. Dalam hal ini, saya amat menyokong peranan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) serta agensi-agensinya, untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan yang unggul. Hal ini juga selari dengan Misi Kerajaan Negeri Melaka berasaskan perkataan T.E.R.A.S iaitu **E, ENTREPRENEUSHIP** bagi menjadikan Melaka sebagai negeri yang memfokuskan ke arah keusahawanan.

12. Ia berkait juga dengan hala tuju pembangunan Negeri Melaka dalam dokumen “Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035)” yang baru dilancarkan pada 8 Mac 2021. Di dalam dokumen ini, terdapat 8 Flagships yang telah dipilih untuk memacu pembangunan Negeri Melaka bagi tempoh 15 tahun akan datang bermula tahun 2021.

13. **Flagship kelima** memfokuskan kepada **Melaka Negeri Usahawan** untuk memperkasakan ekosistem keusahawanan secara komprehensif dan inklusif serta penglibatan aktif daripada pihak kepimpinan kerajaan negeri.

14. Suka juga saya berpesan kepada setiap usahawan, tidak kiralah yang terdiri daripada pelbagai golongan seperti bumiputera, belia, wanita, B40, OKU dan golongan terpinggir, saudara dan saudari perlulah mempunyai hala tuju dengan menjadikan keusahawanan ini sebagai kerjaya pilihan dan menerapkan ciri-ciri usahawan yang berdaya maju, berfikiran global, dan kompetitif.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

PENUTUP

15. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas pembukaan pejabat baharu Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Masjid Tanah dan kepada penerima pembiayaan pada pagi ini. Saya percaya, gerakan koperasi yang beroperasi di Masjid Tanah ini sudah tentu berasa bertuah di atas pembukaan cawangan ini yang merupakan satu-satunya cawangan selain pejabat induk SKM negeri di Menara Persekutuan, Ayer Keroh.

16. Semoga koperasi dan usahawan di Melaka bertambah maju seiring dengan kemajuan Negeri Melaka. Saya doakan majlis kita pada pagi ini dirahmati Allah SWT.

Sekian,

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ